

uum/AA10/BH/19.11.2015/P:37(1-2)

Media tradisional siar berita sahah, berkredibiliti tinggi

Sebaik sahaja peristiwa serangan berdarah di enam lokasi di kota Paris tercetus dengan sekelip mata berita mengenainya tersebar ke seluruh dunia tanpa kawalan. Mungkin berjuta-juta mesej menerusi pelbagai aplikasi sudah sampai ke tangan manusia di seluruh dunia. Pada mulanya tidak semua yang menerima maklumat awal mengenai kejadian yang mengorbankan 129 orang itu benar-benar yakin dengan berita itu. Maklumat diterima melalui media baharu masih diragui dari segi kebenarannya, ketulenan dan kesahihannya.

Namun, tidak ada siapa boleh mempertikaikan kepantasan luar biasa berita itu tersebar dengan adanya teknologi komunikasi melalui internet hari ini. Selagi ada hubungan internet, berita mengenai apa juga kejadian dan di manamana juga, boleh diikuti hanya di hujung jari. Setiap orang boleh mengetahui mengenai sesuatu kejadian di satu sudut dunia walaupun mereka berada dalam bas atau kereta api di sebuah benua lain, malah di dalam tandas sekali pun melalui telefon pintar masing-masing.

Hanya mereka di dalam pesawat udara dilarang menggunakan telefon bimbit. Sebelum ada internet, berita mengenai sesuatu kejadian mengambil masa lama untuk diketahui umum. Ketika itu pergantungan maklumat ialah kepada teknologi telefon, telegraf dan faks sebelum sesuatu maklumat disampaikan ke agensi berita, syarikat media cetak, stesen radio dan televisyen. Hari ini peperangan yang sedang berlangsung juga boleh disaksikan secara langsung menerusi televisyen sebagai peristiwa Perang Amerika-Iraq.

Kepantasan media baharu

Semua ini menjadi realiti disebabkan kepantasan media baru menyalurkan maklumat dalam dunia tanpa sempadan. Dalam kejadian di Paris, sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat mengenainya bebas menyalurkan berita walaupun pada peringkat awal mereka tidak mengetahui kebenarannya hanya semata-mata mahu berkongsi maklumat. Kebenaran mengenainya hanya disahkan setelah mereka mendengar berita melalui radio atau menonton berita di televisyen yang lengkap dengan audio-visual serta memetik sumber yang mempunyai autoriti dan temubual saksi di tempat kejadian.

Pengesahan daripada media cetak mungkin lewat kerana terpaksa menunggu hingga keesokannya. Hari ini media cetak turut menyalurkan berita mengenai berita atau sesuatu peristiwa melalui laman sesawang atau laman berita atas talian akhbar masing-masing.

Hanya setelah membaca di laman media atas talian, mendengar berita di radio atau menontonnya di media tradisional, barulah keyakinan mengenai kesahihan berita itu meningkat.

Nilai berita tinggi

Dalam konteks ini, media tradisional mempunyai peranan yang sangat besar dan tidak boleh dipertikaikan. Semua media tidak melepaskan peluang menyiarkan berita serangan di Paris kerana ia adalah 'berita dunia' yang mempunyai nilai berita yang sangat tinggi. Berita mengenainya disiarkan secara besar-besaran di semua media dan di mana juga, sama seperti berita serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York pada 2001.

Di Malaysia, kebanyakan maklumat dari luar yang disiarkan melalui media tradisional (radio, televisyen dan akhbar) biasanya adalah berita yang sudah disahkan ketulenannya. Media tradisional menyiarkan berita berkenaan yang diterima daripada agensi berita atau saluran televisyen yang mempunyai kredibiliti tinggi melainkan mereka mempunyai wakil atau koresponden di tempat kejadian untuk melaporkan peristiwa berkenaan.

Media dan rakyat Malaysia mempunyai kepentingan dengan berita serangan di Paris itu kerana di negara itu ramai rakyat dan pelajar Malaysia. Pada setiap masa, pasti ada rakyat negara ini di kota Paris. Itulah sebabnya awal-awal lagi media Malaysia mendapatkan pengesahan daripada kedutaan Malaysia di Paris mengenai keselamatan rakyat Malaysia di sana. Tentunya seluruh negara dan keluarga mereka yang berada di Paris lega kerana tidak ada rakyat Malaysia yang terbabit.

Malaysia juga berminat untuk mengetahui berita terperinci mengenai kejadian yang diakui dilakukan oleh pengganas militan Negara Islam (IS) disebabkan golongan yang sama juga menjadi ancaman kepada negara ini termasuk tindakan mereka mempengaruhi rakyat Malaysia supaya menganggotai kumpulan mereka.

Ia juga sejajar dengan pendirian negara ini menentang sebarang tindakan keganasan sebaliknya berusaha menegakkan pergerakan kesederhanaan di dunia. Disebabkan Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak ketua-ketua negara ASEAN, peristiwa itu menjadi pengajaran yang sangat penting untuk meningkatkan segala bentuk keselamatan.



MIOR
KAMARUL
SHAHID

miorkamarul@gmail.com